

# Pengisian berkualiti

## ■ Konsep sambutan Hari Belia Negara 2016

Hayati Ibrahım  
ya\_t@hmetro.com.my

### Putrajaya

**L**ebih santai dengan pengisian berkualiti. Itu konsep yang diketengahkan dalam sambutan Hari Belia Negara 2016 yang akan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor, Ahad ini.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin berkata, walaupun sambutan tahun ini diadakan dalam skala lebih kecil berbanding tahun sebelum ini, tetapi beliau yakin penganjurannya dapat memenuhi objektif yang ditetapkan oleh Kementerian.

Malah, katanya, universiti dipilih sebagai lokasi pilihan selaras dengan usaha membabitkan lebih ramai mahasiswa dalam sambutan Hari Belia, dan bukan hanya terhad kepada golongan belia yang bergiat aktif dalam persatuan sahaja.

Katanya, sebanyak 228 program disediakan termasuk persembahan muzik, bengkel, galeri, bazar dan trak makanan serta program bersama tokoh belia

yang terbabit dalam pelbagai bidang untuk memberi ceramah.

“Lebih menarik, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan sokongan Majlis Belia Malaysia (MBM) turut mengambil inisiatif proaktif bagi memastikan sambutan Hari Belia Negara 2016 turut dirasai di seluruh negara dengan menganjurkan Minggu Belia yang berlangsung sekarang hingga 14 Mei ini.

“Sambutan tahun ini tidak tertumpu kepada satu tempat sahaja, tetapi kita percaya pendekatan yang kreatif dengan menyebarkan sambutan di seluruh negara dapat memberikan kesan lebih besar kepada golongan belia,” katanya dalam temubual khas sambutan Hari Belia Negara 2016 di pejabatnya, semalam.

Khairy berkata, konsep santai yang diketengahkan membolehkan golongan belia beramah mesra dengan pemimpin negara secara lebih dekat dan mesra.

Katanya, jika 10 tahun lalu sambutan dibuat di Stadium Putra dan golongan belia yang hadir duduk dan mendengar amanat yang disampaikan Perdana Menteri, Menteri Belia dan Sukan dan Majlis Presiden Belia Malaysia (MBM).

“Tahun ini kita ubah sedikit pendekatan... ketika makan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menjadi tetamu kehormat pada sambutan kali ini akan dibawa ke trak makanan

dan makan bersama mahasiswa.

“Kita tidak akan sediakan ruang makan tetamu, kehormat dan saya percaya pendekatan ini lebih santai dan memudahkan mahasiswa untuk lebih dekat dengan pemimpin,” katanya.

Menurutnya, lima kategori anugerah akan disediakan pada sambutan kali ini termasuk Anugerah Perdana Belia Negara (Pertubuhan Belia), Anugerah Perdana Belia Negara (Lelaki), Anugerah Perdana Belia Negara (Wanita), Anugerah Emas Remaja Perdana.

Keempat-empat anugerah ini yang dikhaskan kepada belia yang terbabit aktif dalam persatuan belia, manakala Anugerah Khas akan diberikan kepada individu yang berada di luar ekosistem persatuan belia.

“Sebelum ini, kita pernah memberi anugerah ini kepada penyelidik dalam marinologi dan penebat, manakala tahun ini ia akan dianugerahkan kepada seorang individu yang terbabit dalam bidang sains.

“Ia selaras dengan usaha kita untuk mengiktiraf saintis muda dan menggalakkan lebih ramai anak muda menceburi bidang sains,” katanya.

Khairy berkata, pemilihan ‘The Future Is Now’ sebagai tema sambutan Hari Belia Negara tahun ini menunjukkan walaupun anak muda masa depan negara, tetapi pembangunan belia dan peremajaan negara perlu disegerakan ketika ini.

Katanya, inisiatif ini diharapkan dapat memberi inspirasi baharu kepada golongan belia dengan menekankan kreativiti dan bakat adalah sesuatu yang perlu dipelihara serta diserlahkan.

**“Pendekatan ini lebih santai dan mahasiswa lebih dekat dengan pemimpin Khairy Jamaluddin”**

